

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
KAWASAN : TANJONG KARANG
TARIKH : 22 MAC 2016, SELASA

SOALAN:

YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) dan adakah sebarang kekangan daripada Kerajaan Selangor. Sekiranya ada, apakah kekangan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH) masih lagi sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci manakala tender pra-kelayakan ('pre-qualification') untuk pemilihan kontraktor sedang dalam proses penilaian oleh pihak konsesi.

Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan ia telah diwartakan pada 23 Julai 2015. Pelaksanaan projek ini melibatkan kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). DASH telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan Shah Alam pada 31 Julai 2014 yang lalu. Sesi Pendengaran Awam juga telah diadakan oleh pihak MBSA dan MBPJ kepada orang awam.

Pada masa kini kementerian ini masih menunggu pewartaan MBPJ untuk projek ini dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2. Berdasarkan perancangan jika tiada halangan projek DASH ini akan memulakan kerja-kerja pembinaan pada bulan Ogos 2016 ini.

Sekian. Terima kasih.